Pendakwa Raya lwn Tengku Shukri bin Che Engku Hashim

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH 45SO-37–03 TAHUN 2017
ABDUL KARIM PK
5 SEPTEMBER 2017

Prosedur Jenayah — Penghukuman — Penilaian hukuman — Sama ada mahkamah perlu mengambil kira faktor kepentingan awam — Sama ada tertuduh mempunyai niat sebenar untuk menggugat keselamatan awam — Kanun Keseksaan s 130J(1)(a) & (b)

Pada 21 September 2016 jam lebih kurang 7.05 malam, Tengku Shukri bin Che Engku Hashim ('tertuduh') telah ditangkap oleh sepasukan pegawai polis diketuai oleh ASP Mohamad Azrie bin Abdul Aziz kerana dipercayai terlibat dengan kesalahan keselamatan. ASP Mohamad Azrie telah menemui telefon bimbit jenama Samsung Model Note Edge berwarna putih dengan sim kad Celcom didaftar atas nombor 013-9096656 dan dompet jenama Levis Strauss yang mengandungi dokumen peribadi daripada badan tertuduh. Perbualan telegram 'gagak hitam' telah dirujuk kepada pakar Ahmad El-Muhammady bin Muhammad Uthman El-Muhammady dan mengesahkan sumpah taat setia (Bayiah) merujuk kumpulan Ikhwan Anshar Daulah Islamiyah sebagai menunjukkan sokongan kepada kumpulan Islamic State ('IS'). Hasil siasatan seterusnya mendapati tertuduh menggunakan nama Abu Sulaiman pada aplikasi kumpulan telegram gagak hitam. Nombor telefon 013-9096656 yang didaftarkan dalam aplikasi kumpulan telegram gagak hitam dan amanah (phb) vs pas juga didaftarkan atas nama tertuduh sendiri. Hasil analisis digital forensik oleh Cyber Security Malaysian ke atas telefon bimbit tertuduh mendapati terdapat aplikasi Telegram menggunakan nombor telefon 013-9096656. Tertuduh telah dituduh dengan dua) pertuduhan di bawah s 130J(1)(a) dan (b) Kanun Keseksaan ('Kanun'). Tertuduh telah mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan. Timbalan pendakwa raya menyatakan bahawa mahkamah dalam kes semasa perlu mempertimbangkan satu hukuman pemenjaraan yang lebih panjang dengan mengambil kira fakta kepentingan awam, peningkatan kes-kes berkaitan keganasan dan seriusnya kesalahan yang dilakukan.

Diputuskan, mensabitkan tertuduh bersalah atas kedua-dua pertuduhan; dan menjatuhkan hukuman lapan tahun penjara mulai dari tarikh tangkap bagi pertuduhan pertama dan tiga tahun penjara mulai dari tarikh tangkap bagi pertuduhan kedua serta hukuman penjara berjalan serentak:

(1) Dalam mempertimbangkan hukuman, mahkamah sentiasa meletakkan faktor kepentingan awam dan seriusnya kesalahan sebagai faktor utama mengatasi faktor-faktor lain. Dalam masa yang sama mahkamah juga tidak lupa mempertimbangkan hal keadaan kesalahan itu sendiri dan mitigasi-mitigasi tertuduh (lihat perenggan 13–14).

(2) Tertuduh tidak mempunyai niat sebenar ke arah untuk menggugat keselamatan orang awam. Dia hanya memberi komen. Niat untuk mengugut orang awam itu hanya sebagai anggapan di bawah s 130J(1)(b) Kanun itu sendiri. Oleh itu tidak adil jika tertuduh dikenakan hukuman yang sama berat atau lebih dengan kesalahan yang beliau lakukan di bawah s 130J(1)(a) Kanun yang mana menjurus kesanggupan tertuduh untuk melakukan apa saja untuk kumpulan pengganas (lihat perenggan 16).

[English summary

On 21 September 2016, at around 7.05 pm, Tengku Shukri bin Che Engku Hashim ('the accused') was arrested by a team of police officers lead by ASP Mohamed Azrie bin Abdul Aziz for his involvement in the security offences. ASP Mohamed Azrie had found a white Samsung Note Edge mobile phone with a Celcom simcard registerd under a number of 013-9096656 and a Levi Strauss wallet containing private documents at the accused's body. A conversation of gagak hitam on Telegram was referred to the expert, El-Muhammady bin Muhammad Uthman El-Muhammady and the expert confirmed that the 'sumpah taat setia' ('bayiah') was referring to a group of Ikhwan Anshar Daulah Islamiyah as the support to Islamic State ('IS') group. The investigations then revealed that the accused had used the name of Abu Sulaiman in the group of gagak hitam on the telegram application. The phone number of 013-9096656 was registered on the telegram application for the group of gagak hitam and amanah (phb) vs pas under the name of the accused. The analysis of forensic digital of Malaysian Cyber Security proved that the accused had used the same number on the telegram, the accused then charged for the offences under s 130J(1)(a) and (b) of the Penal Code ('the Code'). The accused then pleaded guilty for both charges. The deputy public prosecutor had stated at the material time the court must consider giving a heavier term of imprisonment to the accused based on the public interest, the rampancy of the offences and the seriousness of the offences committed.

Held, convicting the accused for two charges and sentencing the accused of eight years of imprisonment starting from the date of arrest for the first charge and three years of imprisonment starting from the date of arrest for the second charge and both imprisonment run concurrently:

(1) In considering the punishment to be imposed, court always consider the public interest and the seriousness of the offence as the main factors and at the same time court will also consider the facts and circumstances of

A the case and the mitigation by the accused (see paras 13–14).

(2) The accused had no real intention to threat the security of the public. He just gave his comment. The threat to the security of the public was just an assumption under s 130J(1)(b) of the Code. So, it was unfair to impose a
B heavier punishment to the accused under s 130J(1)(a) of the Code for his willingness to carry out whatsoever manner for the terrorist group (see para 16).]

Nota-nota

C Untuk kes-kes mengenai penilaian hukuman, lihat 5(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 4295–4303.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167, MA (dirujuk)
D *PP v Lou Choon Fah* [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mohd Nooh bin Yusof & Ors [1993] MLJU 271; [1993] 4 CLJ 275, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

E Kanun Keseksaan ss 130J(1), (1)(a), (1)(b)

Mohd Izhanudin Alias (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak plaintif.
Mohd Hazrin Alif bin Wahab (Anuar Yusof & Partners) bagi pihak responden.

F

Abdul Karim PK:

[1] Tertuduh telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s 130J(1)(a) Kanun Keseksaan dan s 130J(1)(b) Kanun Keseksaan. Pertuduhannya seperti
G berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 30 Mac 2016 pada jam lebih kurang 5.08 petang di alamat PT 1141, Taman Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, di dalam
H Daerah Kota Bharu, dalam negeri Kelantan Darul Naim, dengan pengetahuan telah memberi sokongan kepada Kumpulan Pengganas Islamic State dengan cara melakukan sumpah setia (berbai'ah), melalui aplikasi 'Telegram' di dalam kumpulan perbualan 'gagak hitam (ID: 146761651)' dengan menggunakan nama 'Abu Sulaiman', menggunakan nombor telefon '013-9096656' milik kamu
I sepertimana di Lampiran; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 130J(1)(a) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 28 Jun 2016 d antara 3.18 pagi hingga 11.27 malam di alamat

PT 1141, Taman Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu di dalam Daerah Kota Bharu, dalam Negeri Kelantan Darul Naim, dengan pengetahuan telah memberi sokongan kepada berlakunya perbuatan pengganas yang melibatkan penggunaan bahan letupan dan perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan ideologi, dan perbuatan tersebut boleh semunasabahnya dianggap sebagai diniatkan untuk mengugut orang awam di Malaysia melalui aplikasi Telegram Kumpulan 'amanah (phb) vs pas'; sepertimana di lampiran; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 130J(1)(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 130J(1) Kanun yang sama.

[2] Tertuduh telah mengaku salah atas kedua-dua pertuduhan yang di bacakan dan tertuduh juga akui fakta kes yang dikemukakan. Tertuduh telah didapati salah dan di sabitkan atas kedua-dua tuduhan tersebut dan di hukum lapan tahun penjara mulai tarikh tangkap 21 September 2016 bagi tuduhan pertama dan tiga tahun penjara bagi tuduhan kedua mulai tarikh tangkap serta hukuman penjara berjalan secara serentak.

FAKTA KES

[3] Fakta kes ('P5') yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh secara ringkasnya adalah pada 21 September 2016 jam lebih kurang 7.05 malam bertindak atas maklumat, tertuduh telah di tangkap oleh sepasukan pegawai polis diketuai oleh ASP Mohamad Azrie bin Abdul Aziz kerana dipercayai terlibat dengan kesalahan keselamatan.

[4] ASP Mohamad Azrie telah menemui telefon bimbit jenama Samsung Model Note Edge berwarna putih dengan nombor IMEI: 355216/06/05 2277/1 dengan sim kad Celcom didaftar atas nombor 013-9096656 dan dompet jenama Levis Strauss yang mengandungi dokumen peribadi daripada badan tertuduh.

[5] Seterusnya penggeladahan di rumah tertuduh PT1141, Taman Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu telah menjumpai satu komputer riba jenis Acer dengan nombor siri BCM 92045 NMD dan passport Malaysia milik tertuduh.

[6] Hasil siasatan mendapati tertuduh:

(a) pada 30 Mac 2016 jam lebih kurang 5.08 petang di alamat PT 1141, Taman Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan dengan pengetahuan telah memberi sokongan kepada Kumpulan Islamic State ('IS') dengan melafazkan taat setia kepda Ikhwan Anshar Daulah Islamiyah melalui aplikasi Telegram Kumulan 'gagak hitam' sebagaimana berikut:

Ana Abu Sulaiman Bersumpah Demi Allah tidak akan berkhianat kepada ikhwah Anshar Daulah Islamiyah dimana pun berada, siap menerima azab dari Allah, dan tidak di terima bumi bila ana berkhianat dan memberikan informasi penting kepada thaghut berupa identitI, strategi, maupun pergerakan yang sekecil-kecilnya dari perjuangan ini atau apa pun yang dapat membahayakan keselamatan ansharul Daulah lainnya. Bila ana tertangkap atau terancam dibunuh, ana tidak akan memberikan informasikan ... apa-apa pun kepada musuh-musuh Allah. Bilznillah. Inilah sumpah ana atas nama Allah swt, semoga Allah ... melindungi ana sekeluarga ahir dan bathin, dunia dan akhirat ... Laa hawla wa laa Quwwata ila billa

... Aaamiin Ya Rabbal Alamin

Daulatul islam!! BAQQIYA WA TATAMADDAD!!

(b) pada 28 Jun 2016 di antara 3.18 pagi hingga 11.27 malam di alamat PT 1141, Taman Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan dengan pengetahuan telah memberi sokongan kepada berlakunya perbuatan pengganasan yang melibatkan penggunaan bahan letupan melalui aplikasi telegram kumpulan 'amanah (phb) vs pas' dengan memberi beberapa komen seperti berikut:

- o Serang zouk tu. Jilake tempat itu
- o Cari tempat freemason lg best
- o X sabar nk tgk kesan serangan tu
- o Apa kata serang juga tokong DAP ini
- o Dia nk tanya next serangan tu. Huhu..
- o Lg syok bt serangan
- o Photostat gambar IGP
- o Lps tu lempar skali kt tempat serangan

[7] Perbualan telegram 'gagak hitam' telah dirujuk kepada pakar Ahmad El-Muhammady bin Muhammad Uthman El-Muhammady dan mengesahkan sumpah taat seita (*bayiah*) tersebut merujuk kumpulan Ikhwan Anshar Daulah Islamiyah sebagai menunjukkan sokongan kepada kumpulan IS.

[8] Hasil siasatan seterusnya mendapati tertuduh menggunakan nama 'Abu Sulaiman' pada aplikasi Kumpulan Telegram 'gagak hitam'. Nombor telefon 013-9096656 yang didaftarkan dalam aplikasi Kumpulan Telegram 'gagak hitam' dan 'amanah (phb) vs pas' juga di daftarkan atas nama tertuduh sendiri. Hasil analisis digital forensik oleh Cyber Security Malaysian keatas telefon bimbit tertuduh mendapati terdapat aplikasi telegram menggunakan nombor telefon 013-9096656.

[9] Fakta kes P5 tersebut telah dibacakan kepada tertuduh dan beliau faham serta mengakui terhadap fakta kes tersebut.

MITIGASI DAN PEMBUATAN HUKUMAN

[10] Peguambela tertuduh telah mengemukakan mitigasi bagi pihak tertuduh sebagaimana berikut:

(a) tertuduh berusia 30 tahun;

(b) tertuduh menjaga kedua-dua ibu bapa dan perbelanjaan hasil sumbangan daripada adik beradik yang lain;

(c) tertuduh tidak pernah membuka mana-mana akaun bank, memandangkan tiada punca pendapatan;

(d) tertuduh anak keenam dengan lapan adik beradik;

(e) tertuduh tidak mempunyai rekod kesalahan lampau;

(f) sentiasa mematuhi undang-undang;

(g) telah di tahan reman selama satu tahun;

(h) tertuduh menyesal dan mohon maaf atas kesilapan;

(i) telah mengaku salah dan menjimatkan masa mahkamah; dan

(j) memohon hukuman penjara yang singkat.

[11] Timbalan pendakwa raya dalam hujahan pembuat hukuman menyatakan bahawa mahkamah perlu mempertimbangkan satu hukuman pemenjaraan yang panjang dengan mengambil kira fakta kepentingan awam, peningkatan kes-kes berkaitan keganasan dan seriusnya kesalahan yang dilakukan. Timbalan pendakwa raya telah merujuk kepada keputusan kes-kes SOSMA Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk menunjukkan tren hukuman bagi kesalahan di bawah s 130J(1)(b) KK iaitu Kes 45SO-36–12 Tahun 2016 yang dikenakan penjara 13 tahun dan 45SO-36–03 Tahun 2012 dengan lapan tahun.

[12] Dalam mempertimbangkan persoalan mengenai kesesuaian sesuatu hukuman, mahkamah ini sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip penghukuman yang telah mantap di terima pakai. Dalam *Public Prosecutor v Mohd Nooh bin Yusof & Ors* [1993] MLJU 271; [1993] 4 CLJ 275 secara ekstensif menyatakan faktor-faktor yang wajar dipertimbangkan dalam menjatuhkan hukuman seperti berikut:

In passing sentence, I have taken into consideration long list of factors, namely:

(1) the question of public interest (*Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164);

(2) the age of the offender, his wealth, his character and background, the nature of the offence, the circumstances and the manner in which the offence is committed (*Mohd Jusoh bin Abdullah and another v Public Prosecutor* [1947] 1 MLJ 131 and *Nordin bin Kaman & Ors v Public Prosecutor* [1983] 1 CLJ 313);

(3) the need to strike a balance between the interests of the public and the interests of the offender (*Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256);

(4) the question of deterrence to the offender and to would be offenders (see *Reg v Curran* [1973] 57 Cr App R 945 where macKenna J said: 'As a general rule it is undesirable that a first sentence of immediate imprisonment should be very long, disproportionate to the gravity of the offence, and imposed ... for reasons of general deterrence, that is as a warning to others. The length of a first sentence is more reasonably determined by considerations of individual deterrence);

(5) society's abhorrence to this type of offence;

(6) the rampancy of the offence;

(7) the plea in mitigation (*Raja Izzuddin Shah v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 270);

(8) when a convicted man is sent to prison, he is branded with a social stigma which he carries for the rest of his life;

(9) the English warning in a passage found in 'The English Sentencing System' by Cross 3rd Ed, at p 141 to the following effect:

Prolonged and repeated imprisonment is destructive of family relationships and, by encouraging the prisoner's identification with the attitudes of the prison community, increases his alienation from normal society. In addition, long-term institutionalization is all too likely to destroy a prisoner's capacity for individual responsibility and to increase the problems he must face when he return to society.

(10) had the case proceeded for trial under the amended charge, it would take at least two weeks to complete it, thus by pleading guilty to the amended charge a great deal of time and expenses had been saved. The full trial would cost the general public much expense as 18 witnesses were involved.

Last, but by no means lest, I also gave a one-third discount or credit for their plea of guilt, following the Supreme Court's decision in *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 (SC).

[13] Dalam mempertimbangkan hukuman, mahkamah ini sentiasa meletakkan faktor kepentingan awam dan seriusnya kesalahan sebagai faktor utama mengatasi faktor-faktor lain seperti yang dinyatakan dalam kes *Public Prosecutor v Lou Choon Fah* [1976] 2 MLJ 256.

One of the main consideration in the assessment of sentence is of course the question of public interest. On this point I need only quote a passage from the judgement of *Hilbery J and Rex v Kenneth John Ball* as follows:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest.

[14] Dalam masa yang sama mahkamah ini juga tidak lupa mempertimbangkan hal keadaan kesalahan itu sendiri dan mitigasi-mitigasi tertuduh. Dalam kes *Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 memutuskan:

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, first, the gravity of the type of offence committed, secondly, the facts in the commission of the of the offence, third, the presence or absence of mitigating factor, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[15] Disamping itu tren hukuman seperti yang dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya adalah penjara di antara lapan hingga ke 13 tahun bagi kesalahan di bawah s 130J(1)(a) Kanun Keseksaan.

[16] Kesalahan di bawah s 130J(1) walaupun memperuntukan hukuman maximum penjara hidup atau tidak melebihi 30 tahun, tetapi tidak menetapkan hukuman manimum. Daripada hal kedaan kes ini yang mana responden hanya memberi komen melalui aplikasi Telegram Kumpulan Amanah (phb) vs pas walaupun perbuatan dikatakan sebagai memberi sokongan kepada kumpulan pengganas tetapi ia menunjukkan tertuduh tidak mempunyai niat sebenar kearah untuk mengugat keselamatan orang awam. Beliau hanya member komen. Niat untuk mengugut orang awam itu hanya sebagai anggapan di bawah s 130J(1)(b) itu sendiri. Dari fakta kes tidak menunjukkan kearah itu. Oleh itu tidak adil jika tertuduh dikenakan hukuman yang sama berat atau lebih dengan kesalahan yang beliau lakukan dibawah s 130J(1)(a) yang mana menjurus kesanggupan tertuduh untuk melakukan apa saja untuk kumpulan pengganas.

[17] Berdasarkan kepentingan awam, seriously kesalahan, tren hukuman, hal keadaan kes dan mitigasi tertuduh mahkamah ini percaya bahawa adalah adil dan wajar tertuduh dikenakan hukuman.

(a) lapan tahun penjara mulai tarikh tangkap (21 September 2016) bagi kesalahan pertuduhan pertama; dan

(b) tiga tahun penjara mulai tarikh tangkap bagi kesalahan pertuduhan kedua dan hukuman penjara berjalan serentak.

Tertuduh disabitkan bersalah atas kedua-dua pertuduhan dan dijatuhkan hukuman lapan tahun penjara mulai tarikh tangkap bagi pertuduhan pertama dan tiga tahun penjara mulai tarikh tangkap bagi pertuduhan kedua serta hukuman penjara berjalan serentak.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar